SOALAN NO: 32

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK]**
TARIKH	:	**11 MAC 2015 (RABU)**
SOALAN	:	**Dato' Hasbullah bin Osman** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan kerugian yang dialami oleh golongan petani dan penternak ketika bencana banjir tempoh hari dan bantuan disediakan Kerajaan untuk membantu golongan ini untuk jangka pendek dan jangka panjang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kejadian banjir luar biasa yang berlaku baru-baru ini di beberapa buah negeri turut menjejaskan sektor pertanian. Anggaran nilai kerugian bagi aset dan infrastruktur pertanian adalah sebanyak RM105,033,000.00. Manakala anggaran kerugian bagi hasil pertanian adalah sebanyak RM152,940,746.23 yang melibatkan seramai 32,749 orang petani, penternak, pengusaha akuakultur dan industri asas tani. Jumlah keseluruhan anggaran kerugian sektor pertanian adalah sebanyak RM257,973,746.23.

Bagi bantuan jangka masa pendek, Kementerian telah menyediakan bantuan wang ihsan kepada golongan sasar iaitu petani, penternak, pengusaha akuakultur dan industri asas tani melalui peruntukan Tabung Bantuan Bencana Agromakanan untuk membantu mereka memulakan semula aktiviti pertanian. Manakala, bagi tempoh jangka masa panjang, Kementerian telah menerima peruntukan sebanyak RM50 juta bagi tahun 2015 untuk membaik pulih tiga (3) jenis infrastruktur yang terjejas akibat bencana banjir iaitu membaiki jalan ladang, membaiki infrastruktur pengairan dan saliran serta membaiki infrastruktur bangunan dan aset pertanian. Bagi pembaikan infrastruktur yang lain, permohonan peruntukan akan dibuat dalam Rancangan Malaysia Ke-11.

SOALAN (33)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
TARIKH	:	11 MAC 2015 (RABU)
DARIPADA	:	Y.B. DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN [KEPALA BATAS]

SOALAN :-

Y.B. Dato' Seri Reezal Merican Bin Naina Merican minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan senarai dua puluh (20) Pihak Berkuasa Tempatan yang mempunyai bajet dan hasil tahunan terbesar di Malaysia.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, selain daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), antara 20 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang mempunyai bajet dan hasil tahunan terbesar adalah seperti berikut:

Maklumat Pendapatan PBT Tahun 2013

BIL.	PBT	JUMLAH PENDAPATAN (RM)
1	Majlis Perbandaran Subang Jaya	221,546,836.00
2	Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah	148,048,247.00
3	Majlis Perbandaran Seremban	139,616,651.29
4	Majlis Perbandaran Kajang	124,094,796.00
5	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	122,333,883.00
6	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu	114,207,446.96
7	Majlis Perbandaran Pasir Gudang	77,576,086.00
8	Majlis Bandaraya Johor Bahru	68,384,670.27
9	Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya	57,269,362.00
10	Majlis Perbandaran Sandakan	56,214,000.00
11	Majlis Perbandaran Kota Bharu	53,514,359.75
12	Majlis Bandaraya Miri	50,328,819.00

BIL	PBT	JUMLAH PENDAPATAN (RM)
13	Majlis Perbandaran Batu Pahat	47,315,723.00
14	Dewan Bandaraya Kuching Utara	47,279,383.35
15	Majlis Perbandaran Taiping	41,098,927.95
16	Majlis Bandaraya Kuala Terengganu	36,066,126.50
17	Majlis Perbandaran Manjung	33,431,942.00
18	Majlis Perbandara Kluang	30,444,079.00
19	Majlis Perbandaran Alor Gajah	29,313,650.67
20	Majlis Perbandaran Kulim	23,088,147.61

* ***Bagi Tahun 2014, pihak JPPH masih belum mengemukakan Laporan Penilaian Harta***

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2015